

15 JAN 1998

IMF AKAN MEMBUAT PERTIMBANGAN MUKTAMAD SELEPAS MENILAI DASAR-DASAR MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) akan membuat pertimbangan yang muktamad mengenai Malaysia hanya selepas ia telah menilai dasar-dasar fiskal dan kewangannya, pengarah urusannya Michel Camdessus, berkata hari ini.

Bagi tujuan itu, satu pasukan IMF kini berada di sini untuk rundingcara tahunan dengan pegawai-pegawai kewangan Malaysia, Camdessus memberitahu pemberita selepas perjumpaan selama sejam dengan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim di pejabat Anwar di sini petang ini.

"Pada akhir perundingan itu, kami akan dapat membuat pertimbangan muktamad," katanya merujuk kepada laporan agensi berita berasal dari Singapura semalam yang memetik beliau sebagai berkata bahawa Malaysia memerlukan dasar yang lebih baik.

Camdessus, yang tiba dari Indonesia, berkata ini tidak bermakna bahawa Malaysia tidak mempunyai adunan dasar yang betul.

Di sebaliknya, katanya agensi berpangkalan di Washington itu menyambut baik langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia yang diumumkan oleh Anwar tahun lalu untuk menangani kedudukan fiskal.

Sebahagian daripada langkah itu termasuk menanggungkan projek-projek besar, mengurangkan perbelanjaan kerajaan sebanyak 18 peratus dan mengurangkan pertumbuhan pinjaman dengan penekanan kepada berian pinjaman kepada sektor-sektor produktif.

Mengenai perjumpaan beliau dengan Anwar, katanya mereka membincangkan bagaimana keadaan sejak serangan ke atas matawang serantau bermula dan bagaimana dasar-dasar yang diguna pakai oleh negara-negara yang terjejas oleh krisis itu telah muncul, terutamanya di Korea Selatan dan Indonesia.

Beliau juga meminta pandangan menyeluruh Malaysia mengenai isu itu, yang matawangnya telah susut nilai hampir sebanyak 96 peratus kepada 4.88 berbanding dolar Amerika minggu lalu, tetapi telah pulih dengan sederhana kepada paras 4.18.

Mengenai komitmen selanjutnya Korea Selatan dan Indonesia untuk melaksanakan pembaharuan dasar, terutamanya surat hasrat yang ditanda tangani pagi ini oleh Jakarta untuk meliberalkan lagi sektor kewangannya, katanya ia adalah satu perkembangan yang amat penting dan mungkin mempunyai kesan positif ke atas pasaran antarabangsa.

Anwar, apabila ditemui pemberita mengenai perjumpaannya dengan Camdessus, berkata "ia adalah perjumpaan yang baik" dan bahawa Malaysia akan sentiasa menggunakan peluang untuk mengadakan perundingan secukupnya dan menjelaskan pendirian negara kepada IMF.

Camdessus dijangka mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok dan juga mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai Perbendaharaan dan Bank Negara selepas itu akan mengadakan persidangan akhbar pada sebelah petang. -- BERNAMA

MSL/MT OS